

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 11/02/2008

PM rasmi dewan Sekolah St. Elizabeth

Oleh SOPI SAMAILE

SIBU 10 Feb. - Selepas menanti sekian lama, akhirnya Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) St. Elizabeth di sini yang ditubuhkan pada tahun 1902 kini memiliki dewan serbaguna sendiri bernilai RM7 juta.

Lebih istimewa, dewan yang dinamakan Dewan Datuk Lau Cheng Kiong dan terletak berdekatan Sungai Rejang itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi esok.

Dewan berkenaan yang turut menempatkan pusat pentadbiran sekolah, sembilan gelanggang badminton dan pentas mampu menampung kapasiti sehingga 3,000 orang.

Pengetua SMK St. Elizabeth, Cathrine Robert Mowe berkata, dewan yang mula dibina pada tahun 2004 itu dan siap Disember 2006 merupakan mercu tanda baru bagi sekolah tersebut yang amat dinanti-nantikan selama ini.

Menurutnya, sekolah itu yang dibina oleh seorang mubaligh Kristian, A. Hopfgartner sebelum ini tidak mempunyai sebarang dewan dan segala aktiviti termasuk perhimpunan sekolah terpaksa diadakan di gelanggang bola keranjang terbuka.

"Masalah timbul apabila hujan kerana warga sekolah tidak dapat mengadakan perhimpunan dan jika keadaan berterusan, segala aktiviti langsung tidak dapat dilakukan."

"Bagaimanapun, selepas dewan ini siap, kami berasa terharu dan teruja untuk menggunakannya. Pembinaannya turut dijayakan oleh Pengerusi Lembaga Pembangunan Se-



DEWAN Datuk Lau Cheng Kiong yang menjadi mercu tanda baru bagi Sekolah Menengah Kebangsaan St. Elizabeth, Sibul, Sarawak, akan dirasmikan oleh Perdana Menteri hari ini.

mula SMK St. Elizabeth merangkap Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau," kata Cathrine kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata, pihak sekolah begitu terkejut dan gembira apabila dimaklumkan bahawa Perdana Menteri sudi untuk merasmikan bangunan kelima sekolah itu.

Katanya, SMK St. Elizabeth merupakan sekolah penuh wanita selepas dipecahkan daripada SMK Sacred Heart Boy's pada tahun 1955.

Jumlah pelajar sekolah berkenaan adalah 1,530 orang dan 94 tenaga pengajar dengan dua sesi persekolahan.

"Sekolah ini menjadikan semut merah sebagai lambang sekolah yang melambangkan disiplin, bermotivasi, bersatu padu dan kerajinan para pelajarnya dalam menuntut ilmu serta menjadi modal insan yang berjaya."

"Dengan adanya bangunan dewan ini, misi dan visi sekolah untuk melahirkan para pelajar yang berkualiti menerusi pelbagai aktiviti akan tercapai," ujarnya.